

R 8823 AAB
MAHATHIR-NOBEL

I

KUALA LUMPUR, 1 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) SEHPENA PENANUGERAHAN HADIAH KEAMANAN NOBEL KEPADA AGENSINYA PASUKAN PENGAMAN BANGSA-BANGSA BERSATU.

DALAM PERUTUSANNYA KEPADA SETIAUSAHA AGUNG PBB JAVIER PEREZ DE CUELLAR YANG DIKELUARKAN DI SINI HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA ANUGERAH ITU, YANG MELAMBAHKAN PERJUANGAN UNTUK KEAMANAN, MAJAR DAN BERTEPATAN DIBERIKAN KEPADA PBB BAGI PERANANNYA MENYUMBANG KE ARAH PEMELIHARAAN KEAMANAN DAN KESELAMATAN.

KATANYA, ANUGERAH ITU DISOKONG SEMUA NEGARA YANG CINTAKAN KEAMANAN DAN PATUT MENGESEMBIRAKAN NEGARA-NEGARA YANG TELAH MENYUMBANGKAN TENAGA MANUSIA DAN PERALATAN UNTUK MEMBOLEHKAN PBB MEMBENTUK PASUKAN PENGAMAN YANG TELAH BERKHIDMAT DENGAN CEMERLANG DAN BERANI SEPANJANG MASA INI.

+HADIAH KEAMANAN NOBEL JELAS MENYATAKAN PENGHARGAAN KEPADA INDIVIDU-INDIVIDU DARI PELBAGAI NEGARA ANGGOTA BANGSA-BANGSA BERSATU DAN MEREKA DALAM PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU YANG TELAH MELAKSANAKAN TUGAS MEMEGAKKAN PRINSIP-PRINSIP YANG TERKANDUNG DALAM PIAGAM BANGSA-BANGSA BERSATU.

+MENJADI HARAPAN SAYA BAHAWA ANUGERAH INI AKAN MENCERGASKAN LAGI USAHA MENCAPAI KEAMANAN DAN KESELAMATAN ANTARABANGSA YANG MALAYSIA PERCAYA BANGSA-BANGSA BERSATU MEMALINKAN PERANAN BESAR,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI
2001MST 01 10 88

0570

R 8824 AAB
MAHATHIR-NOBEL 2 KUALA LUMPUR

+KAMI MENYOKONG PEMU USAHA YANG ANDA SERTA NEGARA ANGGOTA LAIN TELAH AMBIL UNTUK MEMAJUKAN KEAMANAN DAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA.+

KATANYA, MALAYSIA AKAN TERUS MENYUMBANG KE ARAH USAHA PENGAMAN PBB SEJAJAR KOMITHEN NEGARA KE ARAH KEAMANAN. -- BERNAMA
2008MST 01 10 88